Lampiran A : PETA NEGERI KEDAH




Sumber : Kedah 1771-1821, The Search For Security and Independence, OXFORD UNIVERSITY PRESS LONDON NEW YORK

Lampiran B : MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI KEDAH



SUMBER : LAMAN INFO MAJLIS AGAMA ISLAM KEDAH

Lampiran C : ALMARHUM DATO' SYEIKH ABDUL HALIM BIN HAJI OTHMAN



DUA WAJAH YANG MENGGAMBARKAN KETEGASAN SEORANG TOKOH

YANG DIKAGUMI



Bersama keluarga yang tersayang.

Lampiran D : ALMARHUM DATO' SYEIKH ABDUL HALIM BIN HAJI OTHMAN

MENERIMA DARJAH KURNIAAN DATO'





SUMBER : Muhamad Ismail bin Saleh

Lampiran E : SALASILAH KETURUNAN DATO' SYEIKH ABDUL HALIM BIN HAJI OTHMAN




SUMBER : Muhamad Ismail bin Saleh

Lampiran F: PENGLIBATAN DATO' SYEIKH ABDUL HALIM BIN HAJI OTHMAN DALAM BIDANG KOKURIKULUM



BERSAMA STAF DAN PENGAWAS MAKTAB MAHMUD. GAMBAR INI DIAMBIL PADA PENGHUJUNG TAHUN 1940an.



GAMBAR PADA TAHUN 1952 INI MENUNJUKKAN YBHG. DATO' SYEIKH ABDUL HALIM BERSAMA SEBAHAGIAN PARA PELAJARNYA YANG TERDIRI DARIPADA PELAJAR KOLEJ SULTAN ABDUL HAMID KETIKA BELIAU BERTUGAS SEBAGAI GURU MATA PELAJARAN AGAMA ISLAM.

SUMBER : MAJALAH ILHAM 1968



BERSAMA PEMIMPIN PENGAKAP NEGERI KEDAH ANTARANYA TUAN HAJI REJAB, MR. ABBAS DAN MR. ZAIN RASHID



YBHG. DATO' SYEIKH ABDUL HALIM AMAT MEMINATI PERMAINAN BOLA SEPAK. SEMASA MENJADI MUDIR DI MAKTAB MAHMUD, BELIAU TELAH MENUBUHKAN SEBUAH PASUKAN BOLA SEPAK YANG TERHANDAL DI NEGERI KEDAH

SUMBER : MAJALAH ILHAM 1968

Lampiran G : HASIL PERJUANGAN DATO' SYEIKH ABDUL HALIM BIN HJ. OTHMAN DI BIDANG PENULISAN


Mohd. Jamel Abdullah
Maktab Mahmud,
A. Star, Kedah.

# ILHAM

majallah tahunan maktab mahmud alor setar.
bil. 12 tahun 1969.

anggota

penaung * pengarang
sheikh a. bakar h. kasim * omar johari (ketua)
(pemangku guru besar) * hatta saad
pengelola umum * saleh saad
che'gu hussain h. yaakub * fauzi naim md. nooh
penolong pengelola * a. halim h. ismail (pelukis)
sheikh a. razak yusoff *
enche' ramadas jagadeve *

kandongan

kata2 aluan * sumbangan guru2
dari meja pengarang * sumbangan bekas penuntut
pentadbiran * sumbangan penuntut
dalam kenangan * laporan kegiatan
sahabat dalam kenangan

di-terbitkan oleh badan persuratan & penerangan maktab mahmud.

...an kulit oleh; a.halim hj.ismail 4a




SUMBER : MAJALAH ILHAM

بسم الله الرحمن الرحيم

الحمدلله والصلاة والسلام على سيدنا محمد
رسول الله وعلى اله ومن نصره ووالاه

**SHUKOR** ka-hazrat Allah s.n.w. kerana dengan keizinan-nya maka lahir-lah pula majallah **ILHAM** bagi kali kedua dan kali kedua belas dalam siri pengeluaran majallah maktab ini. Sapertimana yang kita ketahui **I L H A M** ada-lah nama baru majallah **'AL-MA'-HAD MAHMUD'.**

Selaku pengurusi lembaga Maktab ini saya mengalu2kan keluaran **ILHAM** ini dan menguchapkan terima kaseh kapada anggota2 dan pengelola2 Badan Persuratan dan Penerangan M a k t a b Mahmud yang telah berusaha untok menjayakan penerbitan-nya.

Sa-benar-nya **I L H A M** memainkan peranan penting untok mencherminkan sadikit sa-banyak 'amalan, baik dalam segi pelajaran, pendidekan dan pergerakan yang di-lakukan oleh penuntut2 Maktab ini di-samping mengasah bakat penuntut2 dalam bidang persuratan dan kesusasteraan. Pada kali ini nampak-nya **ILHAM** bukan sahaja bertujuan saperti di-atas tetapi telah melangkah sa-tapak lagi untok memainkan peranan sabagai penghubong mengeratkan muhibbah dari semua pehak yang berkenaan: penuntut2, guru2, lembaga, bekas penuntut, ketua2 pejabat y a n g bersangkutan dan juga ibu bapa. Perhubongan yang erat dari semua pehak yang berkenaan itu memang-lah amat penting bagi kemajuan penuntut2 dan maktab ini. Apa yang di-harapkan biar-lah perhubongan itu akan terus mesra sa-lama2-nya bukan sahaja melalui majallah ini tetapi biar-lah kemesraan itu terjalin jua pada dhazir-nya.

## Dato' Pengerusi Lembaga Maktab



Pehak lembaga dari masa ka-samasa sa-berapa yang dapat akan terus bersama2 guru2 berusaha m e n c h a r i pembaruan demi untok kebaikan penuntut dan maktab ini. Tugas lembaga tahun lalu menyusun satu dasar pelajaran yang sesuai untok faedah penuntut2 nampak-nya tahun ini s a d i k i t sa-banyak tujuan dasar itu berhasil, bokti-nya beberapa orang penuntut maktab ini telah dapat melanjutkan pelajaran dalam Tingkatan VI R e n d a h di-Kolej Islam dan Sekolah Menengah Kebangsaan Jenan di-samping 40 orang sedang belajar di-Tingkatan VI Rendah di-Maktab ini untok mengambil pepereksaan Sijil Tinggi Persekolahan dan Sijil Menengah Atas Maktab Mahmud (Ashahadah Annihaiyah). Dengan ada-nya kedua2 kelulusan ini nanti akan membolehkan penuntut2 memasoki mana2 Universiti di-dalam negeri atau di-



SUMBER : MAJALAH ILHAM 1968







ANTARA BUKU PENULISAN BELIAU

Lampiran H : HASIL PERJUANGAN DATO’ SYEIKH ABDUL HALIM BIN HAJI OTHMAN DALAM BIDANG DAKWAH ISLAMIAH







DATO’ SYEIKH ABDUL HALIM BERSAMA ALMARHUM TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL- HAJ DAN PARA PELAJAR SAUDARA BARU DI DARUL ARQAM DI WISMA SELANGOR , JLN UNIVERSITI, PETALING JAYA SELANGOR. BELIAU BERTUGAS SEBAGAI PENGARAH DAKWAH PERKIM

Lampiran I : HASIL PERJUANGAN DATO’ SYEIKH ABDUL HALIM BIN HAJI OTHMAN DALAM BIDANG PENDIDIKAN ISLAM














ANTARA CAWANGAN- CAWANGAN MAKTAB MAHMUD DI SELURUH KEDAH





PUSAT PENGAJIAN TINGGI ISLAM DI KEDAH DIKENALI SEBAGAI KUIN (INSANIAH) ADALAH HASIL PEMIKIRAN DATO’ SYEIKH ABDUL HALIM HAJI OTHMAN

Lampiran J : MAJLIS MEMPERINGATI JASA- JASA DATO’ SYEIKH ABDUL HALIM BIN HAJI OTHMAN






Pesara Kerajaan Negeri Kedah
Dalam Kenangan
2003

**Di antara jasa-jasa dan kebaktian beliau ialah:**

- Merancangkan penubuhan TADIKA di masjid-masjid di Kedah.
- Menjadi Ahli Jawatankuasa menyusun Sukatan Pelajaran Agama untuk kelas-kelas dewasa (1967).
- Pengerusi Jawatankuasa Merancang Penggunaan Harta Wakaf di Kedah supaya berekonomik.
- Menjadi Ahli Jawatankuasa Rayuan Mahkamah Syariah Kedah.
- Menjadi Ahli Majlis Penasihat Pelajaran Agama kepada YB Menteri Pendidikan Malaysia (1974).
- Menjadi Pengarah Dakwah Pusat Kebajikan Islam (PERKIM) di Kuala Lumpur (1975 - 78).
- Menjadi penceramah ilmu pendidikan kepada guru-guru kelas dewasa agama Malaysia.
- Menjadi Ahli Jawatankuasa Hal Ehwal Islam Malaysia di Jabatan Perdana Menteri.
- Menjadi Ahli Majlis Syura, Pusat Islam Malaysia, Jabatan Perdana Menteri.
- Pengerusi Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (1992).
- Penulis khas bahagian agama dalam akbar-akbar dan penulis beberapa kertas kerja di beberapa Ijtimak Ulama.

Sebagai menghargai jasa dan sumbangan, beliau telah dianugerahi Bintang Cemerlang Kedah (BCK) dan Darjah Dato' Paduka Mahkota Kedah (DPMK).

Beliau diisytiharkan sebagai “Tokoh Guru” Negeri Kedah oleh KDYMM Kedah pada tahun 1983.

Dato' Syeikh Abdul Halim pulang ke rahmat Allah di kula Lumpur pada 7 haribulan Jun 1997.

Semoga Allah mencucuri rahmatNya ke atas roh guru kami, Amin,Amin,Amin Ya Rabbal Alamin.

*Dato' Syeikh Abdul Halim Dalam Kenangan*

Terkenang Daku Masa Nan Silam
Hadiran Mu Sebagai Sumber Ilham
Perjuangan Mertabatkan Maruah
Agama Bangsa Dan Negara

Hadiran Mu Membawa Pembaharuan
Majukan Ilmu Dan Pendidikan
Dunia Dan Akhirat Seiringan
Menuju Hidup Berwawasan

Tabah, Cekal Menghadapi Cabaran
Bersama Semangat “Melayu Handalan”
Satu Tekad Dan Satu Matlamat
Menentang Muslihat Dasar Penjajahan

Dato' Syeikh Halim Dalam Kenangan
Tokoh Agama Negeri Kedah
Maktab Mahmud Di Saat Gemilang
Moga Ia Diberkati Allah.

Lagu : Hj. Mohamed Sawal Rasid, PPN
Lirik : Hj. Mokhtar Rahman

SUMBER: BULETIN WARISAN PESARA KERAJAAN MALAYSIA KEDAH






*Anugerah*

**TOKOH JUBLI EMAS PERKIM**

6. **PENGASAS DARUL ARQAM PERKIM [IDIP]**
   Tan Sri Dr. Muhammad Abdul Rauf
   Tan Sri Dato' Dr. Abdul Jalil Hassan
   Mohd Taquiddin Kandil
   Nik Mohd Mahyiddin Musa
   Dato' Sheikh Haji Abdul Halim Haji Othman

7. **MANTAN SETIAUSAHA AGUNG KEHORMAT**
   Dato' Haji Lokman Haji Musa
   Tan Sri Dato' Syed Agil Syed Hassan Barakbah
   Dato' Omar Din
   Haji Junid Haji Abdul Rahim
   Dato' Ahmad Nordin Haji Mohd Zain
   Hussein Mohamed Osman
   Haji HMS Hussain
   Haji Yaakob Lazim
   Lt. Kol. [B] Abdul Kadir Abdul Hamid

8. **MANTAN BENDAHARI KEHORMAT**
   Syed Haron A. Rahman Al-Habshi
   Dato' Haji Buyong Abdullah
   Mohd Shukor Ali

Majlis Sambutan Ulangtahun Ke 50 PERKIM 11

'Ke Arah Memartabatkan Islam Dalam Transformasi Negara'

SUMBER : BAHAGIAN PENERBITAN PERKIM JALAN IPOH

# Buletin Warisan

**BERITA PERSATUAN PESARA-PESARA KERAJAAN MALAYSIA KEDAH DARUL AMAN**

PERSATUAN PESARA KERAJAAN MALAYSIA
HIDUP BAHAGIA
KEDAH DARUL AMAN

No. Pendaftaran - 138 (KEDAH)

**UNTUK AHLI SAHAJA**




# KETUA HAKIM NEGARA TERHARU

Yang Amat Arif Tan Sri Dato' Sri Ahmad Fairuz Dato' Sheikh Abdul Halim, Ketua Hakim Negara merasa amat terharu apabila menyampaikan ucapannya dalam satu majlis Pesara Kerajaan Malaysia Negeri Kedah Dalam Kenangan yang dirasmikan oleh Kebawah DYMM Sultan Kedah di Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah pada 10 Ogos 2003 lalu yang mengesahkan tentang riwayat hidup ayahanda beliau. Dalam keadaan sebak beliau menyatakan terima kasih dan penghargaan beliau serta keluarga kepada PPKM-NK kerana penajaan majlis yang memberi pengiktirafan akan jasa dan bakti ayahanda beliau. Kepada Kebawah DYMM Sultan beliau melafazkan sebuah pantun berbunyi:

*Puteri berendam mendendang lagu*
*Rendaman air bunga-bungaan*
*Patik girang bercampur terharu*
*Jasa ayahanda dalam kenangan*



*Dato' Sheikh Abdul Halim Hj. Othman*

Ayahanda Tan Sri Dato' Sri Fairuz, Dato' Sheikh Abdul Halim Hj. Othman adalah seorang tokoh besar di Negeri Kedah zaman lima puluhan dan enam puluhan dahulu. Beliau seorang tokoh agama yang prolifik, berwawasan serta mempunyai keterbukaan minda.

Selain daripada seorang perancang utama yang meniup semangat kebangsaan di kalangan cerdik pandai Islam untuk menentang Malayan Union dalam tahun 1946 beliau juga seorang perancang kurikulum pendidikan agama yang dianggap mendahului zamannya.

Sebagai mudir Maktab Mahmud tahun 1937 hingga 1954 beliau telah mengubah dasar pendidikan yang ada ketika itu. Selain agama Islam dan bahasa Arab yang menjadi mata pelajaran utama, beliau juga memasukkan ilmu hisab, geometri, aljebra, geografi dan memperkenalkan kegiatan-kegiatan kokurikulum seperti pengakap, sandiwara, syarahan, mengarang, nasyid dan marhaban. Kemasukan mata pelajaran-mata pelajaran dan bidang kokurikulum tersebut sekaligus mengubah struktur pendidikan Maktab Mahmud. Maktab Mahmud dilihat sebagai pusat sekular, namun Sheikh Halim tetap dengan pendiriannya dan akhirnya berjaya mendapat reaksi baik dari masyarakat. Dan hari ini Maktab Mahmud berdiri sebagai salah sebuah institusi pengajian yang kompetitif.

Ketokohan Sheikh Halim pastinya tumpah kepada putera-putera dan puterinya. Anak sulungnya, Tan Sri Dato' Sri Ahmad Fairuz menjawat jawatan sebagai Ketua Hakim Negara Malaysia, anak keduanya Tajul Arif, seorang jurutera sivil *(telah kembali ke rahmatullah)*, anak ketiganya Shajaratuddur, seorang usahawan yang berjaya di KL sementara anak bongsunya, Muhamad Zahran seorang doktor di bidang komputer.

Kejayaan anak-anak beliau banyak bergantung kepada sikap beliau yang penyayang tetapi tegas. Harta dan wang ringgit tidak begitu penting kepada beliau. Ini jelas kerana di akhir hayatnya, beliau hanya mempunyai sebuah teratak di KL. Kepada anak-anaknya, beliau selalu mengingatkan bahawa *"walau bagaimana mewah sekalipun seseorang itu, ia adalah bersifat sementara saja, yang kekal adalah ilmu dan amal jariah kita selama ini."*

Orang tentu ingin tahu kenapa Sheikh Halim menghantarkan anak-anaknya bersekolah Inggeris ketika itu sedangkan beliau seorang tokoh agama yang seharusnya mereka mengikut acuan latar belakangnya. Bagi Sheikh Halim *"Ilmu mampu diperolehi melalui saluran dan aliran apa sekalipun selagi ia tidak bertentangan dengan kehendak agama dan budaya."*

Majlis Pesara Negeri Kedah Dalam Kenangan 2003 memberi penghargaan yang tinggi kepada Dato' Sheikh Halim atas jasa-jasa dan pengorbanan beliau.




*KDYMM Tuanku Sultan Kedah sedang menerima cenderahati daripada Dato' Naib Presiden PPKM/NK sambil diperhati oleh YAA Dato' Sri Ahmad Fairuz Sheikh Halim.*

SUMBER : BULETIN WARISAN

Lampiran K : SEBAHAGIAN ANAK MURID DATO’ SYEIKH ABDUL HALIM BIN HAJI OTHMAN YANG TELAH DAN MASIH MENABUR JASA DI NEGERI KEDAH.



TAN SRI HAJI KHALID BIN ABDULLAH

- Pengarah dan Pengerusi Julong Sdn. Bhd (1987 -1995)
- Pengarah Jawatankuasa Audit, Pernas International Holdings Berhad sejak (1982)
- Pengerusi Eksekutif Utusan Melayu (M) Bhd



DATO’ MUHAMAD ISMAIL BIN SALEH

- Pensyarah Bahasa Melayu, INSANIAH (1999 - 2000)
- Pegawai Penyelidik Muzium Negeri (1991 - 1993)
- Editor Suara Pesara Persatuan Pesara Kedah 2000
- Pensyarah Sains Perpustakaan Guru-guru, Pusat Latihan Daerah Negeri Kedah
- Tokoh Sejarah Negeri Kedah 1999.



DATO' PADUKA SYEIKH ABDUL MAJID BIN MOHD NOOR

- Penasihat Lembaga Urusan dan Tabung Haji (1980-an)
- Ahli Lembaga Amanah Yayasan Ekonomi Islam Malaysia (YAPIM)
- Bekas Pengerusi Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah
- Yang DiPertua Majlis Hal Ehwal Agama Islam Kedah
- Pengerusi Jawatankuasa Syariah Kedah
- Yang DiPertua Persatuan Ulama Kedah (1980-1984)
- Bekas Mufti Negeri Kedah



YAB DATO' SERI AZIZAN BIN RAZAK

- Menteri Besar Kedah (2008 hingga sekarang)



ALMARHUM YB DATO’ HAJI FADHIL BIN MOHD NOOR

- Bekas Tenaga Pengajar Maktab Mahmud (1967)
- Bekas Pensyarah Universiti Teknologi Malaysia ( 1973-1978)
- Presiden Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) (1974-1978)
- Setiausaha Agung Persatuan Ulama Malaysia (1974)
- Bekas Ahli Dewan Undangan Negeri Kedah dan Ahli Parlimen.
- Presiden PAS (1989-2002)